

KONSEP RUANG DALAM CERITA LIPUR LARA : ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

PENGENALAN

Masyarakat Melayu dahulu sangat kreatif dan imaginatif (Fatimah, 1991). Daya kreatif dan imaginatif ini dapat dibuktikan dengan pemilihan sesuatu perkataan yang menggambarkan unsur yang berbeza. Sebagai contoh frasa ‘burung terbang tinggal di belakang’ sebenarnya menggambarkan kepantasan dan kelajuan pergerakan. Dengan erti kata yang lain, burung bukan hanya dipilih kerana keadaan fizikalnya yang boleh terbang tetapi turut melambangkan ruang dan jarak pergerakan tersebut. Justeru, penggunaan unsur perlambangan ini bukan hanya berlaku secara sewenang-wenangnya, malah mempunyai tujuan tertentu (Arba'ie & Mohd Yusoff, 2013). Bertepatan dengan itu, dalam cerita lipur lara Melayu, ada perkataan yang merujuk kepada fauna mampu memberi implikasi konsep ruang. Sebenarnya, konsep tentang ruang amat bergantung kepada tujuan sesuatu kajian itu dilaksanakan (Jones & Eyles, 1977). Konsep ruang yang terjelma melalui penggunaan fauna dalam cerita lipur lara merangkumi ruang sosial, ruang-masa dan ruang fizikal. Walau bagaimanapun, dalam konteks kajian ini, konsep ruang lebih tertumpu kepada ruang fizikal. Secara zahirnya, ruang fizikal lebih bersifat konkrit iaitu ruang yang wujud atau boleh dilihat dengan pancaindera penglihatan. Kajian yang menggunakan unsur fauna ini dilihat perlu dilakukan sebagai usaha untuk menentengahkan pemikiran masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai guru terbaik dan diimplimentasi melalui bahasa berirama dalam karya cerita lipur lara.

KAJIAN RUANG FIZIKAL

Daripada penelitian kajian yang telah dilakukan oleh sarjana terdahulu, konsep ruang banyak disentuh dalam disiplin ilmu yang pelbagai. Para sarjana telah meneliti konsep ini dalam disiplin ilmu sosial, budaya, sejarah, matematik dan lain-lain. Namun, hal yang berkaitan tentang ruang lebih banyak disentuh dalam disiplin ilmu pembinaan bangunan (seni bina). Konsep ruang dalam bidang seni bina ini lebih tertumpu kepada ruang fizikal. Dalam kajian ruang fizikal ini, para sarjana mengupas konsep ruang berdasarkan bentuk ruang yang wujud dan boleh dilihat dengan mata kasar. Kajian yang dilakukan oleh Wakhidah (2012), memperlihatkan betapa pentingnya perancangan yang rapi dan jitu dalam senibina ruang awam. Fokus kajian adalah Bandar Semarang, Indonesia (khususnya di Simpang Lima). Kajian yang dilakukan tentang ruang awam ini meliputi tahun 2005-2009. Pembangunan sesuatu ruang awam haruslah menitik beratkan isu kesamarataan penggunaan, keselamatan dan pencegahan jenayah bagi semua peringkat dan strata masyarakat. Walaupun begitu, terdapat golongan terpinggir (orang tua, orang kurang upaya, kanak-kanak, wanita dan gelandangan) yang dinafikan haknya dalam perancangan dan pembinaan ruang awam ini. Hal ini telah menimbulkan masalah ketidakcukupan peralatan untuk semua golongan khasnya golongan terpinggir. Sebagai contoh, tiada ruang paker khas untuk orang kurang upaya, tiada ruang khas untuk wanita hamil dan menyusukan anak. Dan juga ketiadaan zon terlarang untuk golongan gelandangan yang akhirnya melunturkan imej keselamatan ruang awam ini. Kesimpulannya, apabila aspek fizikal sesuatu ruang dapat memenuhi keperluan ruang golongan yang dipinggirkan, maka ruang awam yang sesuai akan dapat dihasilkan.

Asmah (2003) pula menjadikan data daripada cerita turun-temurun seperti hikayat dan syair untuk melihat ruang fizikal dari perspektif bahasa. Asmah menyangkal teori yang diutarakan oleh pakar-pakar sejarah dan budaya Melayu yang bersetuju bahawa orang-orang Melayu merupakan pelayar dan bukan petani. Untuk perbahasan tersebut, beliau telah memperkenalkan Teori Mercu Tanda. Antara elemen penting untuk teori tersebut adalah hal yang berkaitan dengan ruang geografi-sekitaran dan bukti linguistik. Seseorang penutur bahasa tidak dapat mempersepsikan apa-apa jua gejala yang berlaku di persekitaran mereka jika gejala ini tidak tersimpul di dalam bahasanya. Misalnya, dalam bahasa Melayu khasnya aspek penanaman padi: terdapat banyak leksikal yang boleh dikaitkan dengan padi (padi, beras dan nasi). Yakni padi merujuk kepada bentuk yang masih mempunyai kulit, beras pula merujuk kepada padi yang telah bersih daripada kulit. Manakala nasi adalah bentuk padi yang telah dimasak dan sedia untuk dimakan. Namun begitu, dalam masyarakat barat, leksikal padi hanya merujuk kepada 'rice'. Ketiga-tiga leksikal padi, beras dan nasi hanya dikenali sebagai 'rice' oleh orang Barat. Hal ini berlaku kerana orang Barat tidak menjadikan nasi sebagai menu utama mereka berbanding orang Melayu yang menjadikan nasi sebagai makanan ruji mereka. Bertitik tolak dari kefahaman di atas, Asmah memberikan beberapa hujah untuk menyangkal pendapat yang menyatakan orang Melayu adalah pelayar dan bukan petani. Bukti pertama, dalam hikayat-hikayat tradisional, perjalanan watak-watak dan gambaran peristiwanya banyak berlaku di daratan berbanding di lautan. Sebagai contoh, beliau menegaskan bahawa gambaran terperinci berkaitan perjalanan darat seperti huraian muka bumi, flora dan fauna serta kejadian alam yang lain diberikan oleh pengarang hikayat. Bukti kedua merujuk kepada persepsi orang Melayu terhadap laut. Laut biasanya digambarkan sebagai tempat kemalangan. Pepatah dan petitihi juga memaparkan hal yang agak negatif berkaitan laut seperti 'lautan api', berbanding dengan darat seperti 'gunung emas'. "Mercu tanda adalah cara yang sebaik-baiknya untuk memberi huraian yang tepat bagi lokasi mereka dalam perjalanan. Kehalusan dalam pembezaan ciri-ciri alam membawa ke arah ketepatan" (Asmah, 2003: 18). Rumusan Asmah telah membuktikan bahawa perkataan yang membawa konsep ruang geografi-sekitaran akan memberi gambaran berkaitan kawasan fizikal peradaban manusia yang bahasanya mempunyai konsep-konsep tersebut.

Berbeza daripada Asmah, Azhan et al. (2012) menggunakan data daripada kajian lapangan. Kajian beliau dilakukan terhadap empat flat kos rendah untuk mengeksplorasi kegunaan ruang luar berdekatan rumah sebagai tempat bersosial. Analisis yang dilakukan oleh mereka berdasarkan pemerhatian sistematik tentang tingkah laku pada waktu-waktu yang tertentu setiap hari. Hakikatnya, kajian ini mendapati bahawa ruang luar yang berdekatan dengan kawasan perumahan adalah ruang yang penting untuk aktiviti-aktiviti sosial, domestik dan persendirian. Sementelah, rutin aktiviti bersosial ini dikenal pasti sebagai sumber utama keterikatan terhadap sesuatu kawasan.

Sementara kajian Noorul Huda dan Anuar (2013) turut melibatkan kajian lapangan (soal selidik dan pemerhatian) untuk menganalisis kemungkinan pembentukan prinsip dalam senibina dan rekabentuk sesebuah komuniti. Fokus kajian mereka lebih terarah kepada konsep privasi dan perancangan ruang dalaman kediaman Melayu. Konsep privasi ini (khususnya untuk perempuan) dilihat daripada dua perspektif iaitu perspektif Islam dan barat. Konsep privasi ini juga diteliti dalam rumah tradisional Melayu dan flat kos rendah moden. Dalam pembinaan rumah Melayu tradisional, kewujudan pembahagi ruang / dinding adalah minima yang bertujuan untuk mewujudkan ruang tertentu. Hal yang bertentangan dapat dilihat dalam pembinaan rumah flat kos rendah moden. Dalam rumah flat kos rendah moden ini, ruang spesifik untuk privasi dan umum sudah tiada. Secara dasarnya, kepercayaan agama, cara hidup, interaksi sosial harian dan tingkah laku adalah kekal menjadi aspek penting dalam penentuan privasi dalam sesebuah keluarga. Kepercayaan agama yang

mendominasi kehidupan orang Melayu berupaya membentuk ruang fizikal dalam aspek perumahan.

Rangkuman daripada kajian lepas memaparkan konsep ruang dilihat dari aspek zahir yang konkrit dan bersifat eksplisit sahaja. Masih tidak ada kajian ruang fizikal yang mengaitkan dengan hal-hal yang bersifat abstrak atau implisit. Maka, kajian yang akan dilakukan oleh penulis akan melihat konsep ruang yang abstrak dan bersifat implisit. Hakikatnya, hampir kebanyakan karya sastera Melayu sama ada tulisan mahupun lisan, wujudnya ungkapan yang pelbagai dan memberikan lambang dan makna tertentu. Terkadang, lambang-lambang dan makna ini memerlukan kajian lanjutan untuk mentafsirkannya (Tenas Effendy, 2005). Bertepatan dengan itulah maka leksikal fauna yang menjadi sebahagian daripada ungkapan berirama dalam cerita lipur lara perlu diberi perhatian kerana membawa makna tertentu. Sebagai contoh, ungkapan ‘selelah burung terbang dan selejang kuda berlari’ bukan sekadar memberi gambaran pergerakan burung yang terbang dan kuda yang berlari semata-mata, malah turut mengungkapkan konsep yang abstrak dan implisit. Abstrak dan implisitnya tergambar apabila persoalan sejauh mana jarak burung yang terbang hingga menjadikan burung itu lelah, dan sejauh mana pula jarak kuda yang melompat atau berlari itu? Mengapa dalam kategori fauna yang terdapat di Malaysia, orang Melayu memilih untuk menggunakan burung dan kuda, tidak fauna-fauna yang lain yang juga boleh terbang dan berlari? Di sinilah timbulnya keperluan analisis yang menggunakan pendekatan inkuisitif untuk merungkai segala persoalan ‘mengapa’ tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang mengambil data daripada cerita lipur lara Melayu. Bagi memenuhi format penulisan artikel yang terbatas, hanya satu data fauna dipilih untuk dianalisis. Namun demikian, satu data ini akan dikupas dan dihuraikan secara berpada untuk menghasilkan dapatan yang jitu. Selain itu, pemilihan data yang diambil daripada cerita lipur lara ini juga bertitik tolak dari pendapat yang dikemukakan oleh sarjana Ding Choo Ming (2008: 5) iaitu “*nowadays Malay people no longer readily appreciate the skillfulness or accept the relevance of their oral heritage*”. Justeru, kajian yang menjadikan data daripada cerita lipur lara atau tradisi lisan ini diharap dapat menimbulkan minat kepada generasi kini untuk mengkaji dan mendalami ilmu daripada tradisi lisan ini. Sementelah, kajian yang berasaskan kepustakaan ilmu tradisional ini masih banyak belum dirungkai dan dikaji (Wan Mohd Dasuki & Siti Radziah, 2014). Secara jelasnya, cerita lipur lara Melayu menjadi wadah untuk masyarakat Melayu zaman dahulu berehat sambil berhibur (Mana Sikana, 2007; Munir, 1990; Mohd Taib, 1991).

Kajian ini menggunakan data cerita lipur lara yang telah didokumentasikan oleh pihak Yayasan Karyawan (Mohd Taib, 2003). Pemilihan *Cerita Anggun Cik Tunggal* kerana kekerapan kehadiran leksikal fauna dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* berbanding cerita-cerita lain daripada teks data. Pemilihan *Cerita Anggun Cik Tunggal* untuk dijadikan sandaran sumber kutipan data juga berlaku lantaran cerita ini merupakan satu bentuk sindiran yang halus untuk menggambarkan kerakusan dan kekejaman penjajah yang tiba ke Tanah Melayu. Secara tidak langsung, cerita lisan ini menjadi satu khazanah yang sangat berharga untuk ditatapi generasi akan datang dan boleh dijadikan pengajaran. Hal ini dikukuhkan lagi oleh pendapat Hamka (2009: 105):

Demikianlah, apabila bangsa kita telah merasa lemah, tidak dapat melawan lagi, mereka perbuat ceritera. Di dalam ceritera itu

diisikanlah sindiran dan rasa benci kepada musuh, dihinakan dan ditunjukkan kejahatannya, sehingga anak cucu mengerti, dan pada suatu masa kelak “malu yang tercoreng di kening” itu akan dapat dihapuskan juga dengan kedatangan “Nan Tonggol!”.

Untuk memastikan analisis yang akan dilakukan menepati maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur, penulis menggunakan Teori Relevans dan konsep Rangka Rujuk Silang. Berdasarkan teori ini, penginterpretasian sesuatu ujaran akan mengambil kira tiga perkara iaitu konteks, kesan kognitif dan usaha memproses. Perbincangan hal yang berkaitan tentang Teori Relevans ini banyak dibicara dan diulas oleh Nor Hashimah (2003, 2006, 2007, 2012a, 2012b). Selain itu, dalam teori ini juga terangkum istilah kesan kognitif yang akan diguna pakai. Kesan kognitif ini merupakan andaian awal pada pembaca / pendengar berkaitan maklumat yang relevan sahaja dengan dirinya. Kesan kognitif ini lazimnya tersimpan sebagai catatan ensiklopedik (Nor Hashimah, 2003). Semakin banyak kesan kognitif, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran itu. Andaian awal yang telah sedia ada pada pembaca / pendengar akan mengalami proses penggabungan, penguatan atau pengguguran konteks untuk menghasilkan kesan kognitif dalam sesuatu perbualan.

Akhirnya, persoalan ‘mengapa’ yang menjadi teras pendekatan inkuisitif diguna pakai semasa menganalisis bagi mencungkil falsafah yang tersirat daripada penggunaan leksikal tertentu. Pengaplikasian pendekatan inkuisitif ini menggabungkan data, teori, kognitif dan falsafah sehingga terhasilnya akal budi (Nor Hashimah, 2014). Selain itu, pendekatan inkuisitif menjadikan dapatan lebih kritis lantaran setiap yang berlaku mempunyai sebab musabab yang harus dijawab. Ringkasnya, penggunaan pendekatan ini menjadikan dapatan kajian lebih bersifat autentik dan berwibawa.

FAUNA DAN RUANG FIZIKAL

Berikut merupakan data yang diambil daripada cerita lipur lara iaitu *Cerita Anggun Cik Tunggal*. Kata-kata yang dikeluarkan oleh Raja Berdurai Putih ini berlaku setelah mendengar perkhabaran dari Perdana Menteri tentang kegagahan dan kemewahan negeri Tiku Pariaman. Raja Berdurai Putih ingin menakluki negeri Tiku Pariaman lalu menyuruh memanda menterinya bersedia dan melakukan persiapan.

Data 1:

Maka Raja Bedurai Putih pun bertitah kepada Perdana Menterinya suruh lengkap:

Kapal Petolo Kapal Petolai,
Siang berbaju layang,
Malam berbaju rantai;
Makan **kerbau** orang di haluan,
Melayangkan surat ke buritan;
Makan **kerbau** orang di buritan,
Melayangkan surat ke haluan;
Tujuh buah rumah berhala di dalamnya,
Tujuh buah mahligai di dalamnya. [3.267]

Berdasarkan maklumat dari data 1 yang dipaparkan di atas, konsep ruang yang ingin disampaikan oleh penglipur lara sewaktu melakukan persembahannya agak unik untuk diteliti

kerana memerlukan analisis dalam minda pendengar. Leksikal **kerbau** bukan semata-mata bersifat harfiah, tetapi pada masa yang sama membawa makna yang implisit. Justeru, leksikal **kerbau** ini akan dianalisis berdasarkan tiga tahap iaitu tahap literal, tahap kognitif dan tahap inkuisitif.

Secara literalnya, dalam bentuk logik, leksikal **kerbau** merujuk kepada sejenis mamalia seakan-akan lembu rupanya yang termasuk dalam keluarga Bovidae, bersaiz besar, berkulit hitam dan tebal (Ensiklopedia Dunia Melayu, 1997).

HUBUNGAN KERBAU DENGAN DENGAN SAIZ KAPAL

Pada tahap kedua analisis yakni tahap kognitif, data 1 dianalisis secara kognitif. Kenapa leksikal **kerbau** dipilih?

MAKLUMAT KOGNITIF TENTANG MAKAN KERBAU

Keluasan dan saiz Kapal Petolo Kapal Petolai yang besar itu digambarkan melalui ungkapan **makan kerbau orang di haluan** dan **makan kerbau orang di buritan**. Frasa **makan kerbau orang di haluan** dan **makan kerbau orang di buritan** ini mengandungi makna yang kabur apabila leksikal **kerbau** digabungkan dengan leksikal **makan** yang menjadi frasa **makan kerbau**. Mengapakah frasa **makan kerbau** ini diwujudkan oleh penglipur lara? Kenapa tidak leksikal makan itu digabungkan dengan leksikal fauna yang lain seperti makan ayam, makan lembu, makan rusa dan sebagainya? Seandainya frasa makan kerbau ini tidak dinyatakan oleh penglipur lara, maka tidak nampaklah kehebatan dan kebesaran saiz Kapal Petolo Kapal Petolai itu.

MAKLUMAT KOGNITIF TENTANG PENGGANDAAN

Hakikat ini ini ditambah lagi dengan penggunaan perkataan yang digandakan **Petolo Pertolai**. Dalam variasi makna penggandaan bahasa Melayu, 49.27% membawa maksud jamak dan merupakan peratusan tertinggi berbanding makna kesangatan (13.80%) dan makna berulangnya perbuatan (20.14%) (Asmah, 1993). Contohnya, leksikal kuih. Kuih hanya merujuk kepada sejenis kuih. Apabila perkataan kuih-muih digunakan, merujuk kepada pelbagai jenis kuih. Begitulah juga yang terjadi dengan leksikal **Petolo Pertolai**. Leksikal **Petolo Pertolai** bersifat jelas dan nyata apabila dihubungkan dengan fungsi penggandaan dalam bahasa Melayu. Kesan kognitif yang terhasil dalam minda pendengar atau pembaca menjadi mudah dan membawa tafsiran imej kapal yang besar dan gah.

MAKLUMAT KOGNITIF TENTANG KEHEBATAN KAPAL

Kemudiannya, setelah persekitaran kognitif yang relevan wujud dalam minda pendengar, sejumlah ungkapan selepas **Kapal Petolo Kapal Petolai** ditambah untuk mengukuhkan lagi imej kapal yang besar dan gah tersebut. Frasa **siang berbaju layang** dan **malam berbaju rantai** ini menguatkan gah dan hebatnya Kapal Petolo Kapal Petolai kerana pada waktu siang kapal ini akan berlayar dan layar-layar yang terdapat pada kapal tersebut akan terkembang dan berkibar-kibar. Layar-layar yang kembang dan berkibar-kibar itu dianalogikan ibarat memakai baju dan terbang seperti layang-layang. Pada waktu malam pula, Kapal Petolo Kapal Petolai berhenti belayar dan berlabuh dengan keadaan sauhnya yang diikat dengan rantai besi diturunkan ke laut untuk menghalang kapal dari bergerak. Pengulangan leksikal **berbaju** dan penggunaan leksikal antonim yang berkrnologi, **siang** dan **malam** bukan sahaja menimbulkan rentak dan bunyi yang memukau pendengar, tetapi makna lain yang

ingin disampaikan adalah ketegasan. Apakah ketegasan yang ingin disampaikan? Pastinya, ketegasan tentang kehebatan Kapal Petolo Kapal Petolai. Sementelah, penggunaan leksikal **siang** dan **malam** turut membuktikan bahawa dalam alam pemikiran orang-orang Melayu, mereka suka melihat kejadian dan sifatnya dalam pasangan. Pada masa yang sama, persepsi konsep pertentangan antara **siang** dan **malam** turut menjelaskan konsep itu terdiri dari dua sahaja yakni penduaan, tidak lebih dari itu (Asmah, 1993).

MAKLUMAT KOGNITIF TENTANG RUMAH BERHALA DAN MAHLIGAI

Ungkapan selanjutnya melibatkan frasa **tujuh buah rumah berhala** dan **tujuh buah mahligai**. Frasa **tujuh buah rumah berhala** dan **tujuh buah mahligai** bukan sahaja memberikan interpretasi ruang fizikal yang luas dan panjang di dalam Kapal Petolo Kapal Petolai, bahkan pendengar juga dihadangkan dengan maklumat bahawa Raja Berdurai Putih merupakan orang bukan Islam kerana menyembah berhala dan mempunyai puteri yang ditawan sebanyak tujuh orang yang ditempatkan dalam tujuh buah mahligai. Setiap mahligai atau singgah sana akan mengambil banyak ruang dek kerana hebat, cantik dan besarnya saiz mahligai tersebut.

Dalam bahasa Melayu, ‘-nya’ merupakan Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga (Nik Safiah et al., 2006). Sebagai Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga, sesuai dengan penggolongan itu, ‘-nya’ adalah merujuk kepada sesuatu yang diperkatakan sebelum atau selepas perkataan tersebut. Namun begitu, bagi tujuan untuk merujuk, perbuatan itu tidak dilakukan secara sembarangan. Melalui rangka rujuk silang, analisis ‘-nya’ dapat dipautkan dengan leksikal tertentu yang sah dari aspek semantikanya. Menurut Kempson (1986) dalam Nor Hashimah (2008: 234), “rangka rujuk silang adalah sesuatu ujaran yang tidak mempunyai anteseden yang dapat mengaitkan ayat kedua dengan ayat pertama dalam satu wacana bagi membantu pendengar mentafsir ujaran”.

Berdasarkan Rajah 1 di bawah, keadaan ‘-nya’ yang berada di bahagian belakang benda yang dirujuk, yakni ‘-nya’ yang merujuk kepada Raja Berdurai Putih dan ‘-nya’ yang merujuk kepada Kapal Petolo Kapal Petolai, ‘-nya’ dikenali sebagai anafora. Namun, rujukan yang jelas untuk ‘-nya’ tidak dapat dilihat. Dengan menggunakan rangka rujuk silang, ‘-nya’ yang pertama dapat dipautkan kepada Raja Berdurai Putih. Berdasarkan konteks, kita telah sedia maklum bahawa kewujudan Perdana Menteri sebagai orang kedua penting dalam sesuatu institusi pemerintahan adalah selari dengan kewujudan raja. Dalam data 1 di atas, raja yang dimaksudkan adalah **Raja Berdurai Putih**. Maka ‘-nya’ pada **Perdana Menteri** akan terus merujuk kepada **Raja Berdurai Putih**.

Berlainan halnya dengan keadaan ‘-nya’ yang kedua dan yang ketiga hadir dalam Rajah 1. Walaupun masih dikenali sebagai anafora tetapi ‘-nya’ yang ada pada **dalam** bukan merujuk kepada Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga. Sekali lagi, berpandukan konteks dan latar belakang andaian manusia, hanya benda atau objek yang boleh memuatkan **tujuh buah rumah berhala di dalamnya** dan **tujuh buah mahligai di dalamnya**. Mana mungkin manusia boleh memuatkan **tujuh buah berhala** dan **tujuh buah mahligai**. Maklumat ini melibatkan usaha memproses yang rendah dan sekaligus memudahkan pembaca/pendengar mencari rujukan yang tepat. Justeru, ‘-nya’ yang berpadanan dengan **dalam** boleh dipautkan dengan **Kapal Petolo Kapal Petolai**. Hanya kapal sahaja yang boleh memuatkan berhala dan mahligai. Berdasarkan analisis rangka rujuk silang ini jelas membuktikan ketidaktepatan penahu yang hanya menggolongkan ‘-nya’ sebagai Kata Ganti Nama Diri Orang Ketiga. Secara jelasnya lagi, ‘-nya’ yang hadir kali kedua dan ketiga dalam data 1 merujuk kepada bukan manusia iaitu objek/benda (Kapal Petolo Kapal Petolai). Ternyata pendapat Nor

Hashimah (2008) yang menegaskan bahawa kata ganti nama manusia boleh diperluaskan penggunaannya pada benda-benda bukan manusia adalah benar.

Data 1:

Maka **Raja Bedurai Putih** pun bertitah kepada Perdana Menteri**nya** suruh lengkap:

Kapal Petolo Kapal Petolai,
Siang berbaju layang,
Malam berbaju rantai;
Makan **kerbau** orang di haluan,
Melayangkan surat ke buritan;
Makan **kerbau** orang di buritan,
Melayangkan surat ke haluan;
Tujuh buah rumah berhala di dalam**nya**,

Tujuh buah mahligai di dalam**nya**.
[3.267]

Rajah 1 : Rangka rujuk silang data 1

Selanjutnya, persoalan mengapa angka tujuh yang wujud dalam frasa **tujuh buah berhala** dan **tujuh buah mahligai** ? Mengapa tidak angka lain seperti lima, tiga, dan dua yang digandingkan dengan frasa mahligai dan berhala di atas? Keingintahuan yang diwujudkan oleh penglipur lara akan terjawab apabila pendengar / pembaca terus mengikuti bahagian berikutnya dalam *Cerita Anggun Cik Tunggal* seperti yang terdapat dalam Rajah 2 di bawah.

Jika diteliti kepada Rajah 2 di bawah, ‘-nya’ yang bewarna merah atau turut dikenali sebagai anafora (‘-nya’ yang berada di bahagian belakang benda yang dirujuk) dapat dicari rujukannya dengan melihat leksikal yang digandingkan dengan ‘-nya’ tersebut. Apabila digandingkan leksikal ‘tawanan’ dan ‘rakyat tentera’ dengan ‘-nya’ yang menjadi ‘tawanannya’ dan ‘rakyat tenteranya’ memberi makna tersirat rujukan untuk ‘-nya’ pasti seseorang yang mempunyai kuasa kerana hanya orang yang berkuasa boleh menawan seseorang individu. Selain itu, dalam rangka rujuk silang, premis tambahan seperti ‘puteri’, ‘tawanan’, ‘adi pendekar’, ‘johan pahlawan’, ‘hulubalang panglima’ dan ‘rakyat tentera’ dapat dikaitkan dengan raja kerana hanya golongan itu sahaja yang mempunyai semua gabungan premis tambahan tersebut. Kewujudan ‘adi pendekar’, ‘johan pahlawan’, ‘hulubalang panglima’ dan ‘rakyat tentera’ dalam sesuatu negara adalah untuk melicinkan lagi pentadbiran tersebut, baik semasa aman atau semasa perang.

Berdasarkan Rajah 2 juga, ‘-nya’ yang diwarnakan dengan warna biru hadir pada posisi sebelum rujukan, yakni dalam frasa ‘terlalu amat elok parasnya, tuan puteri ketujuh itu’. Kehadiran ‘-nya’ yang berada di hadapan rujukannya dikenali sebagai katafora dalam rangka rujuk silang. Berdasarkan maklumat kognitif dan latar belakang andaian, manusia memang telah maklum akan rupa paras tuan puteri atau golongan diraja yang lazimnya akan dikaitkan dengan kecantikan dan kejelitaan raut wajah. Justeru, maklumat ‘-nya’ yang ingin

dicari dalam ayat tersebut melibatkan usaha memproses maklumat yang rendah dan sekaligus memudahkan pembaca / pendengar mencari rujukan yang tepat.

Data 2:

Maka pada ketika yang baik, saat yang sempurna, maka Raja Berdurai Putih pun berangkatlah membawa tujuh orang puteri yang dapat tawanan^{nya}.

terlalu amat elok paras^{nya} tuan puteri ketujuh itu. Maka Raja Berdurai Putih pun berangkatlah diiringkan oleh sekalian adi pendekar, johan pahlawan, hulubalang panglimanya, turun ke kapal itu serta pula dengan rakyat tentera^{nya}.

[1. 268]

Rajah 2 : Rangka rujuk silang data 2

Berbalik kepada penggunaan leksikal tujuh dalam data 1, yakni dalam frasa **tujuh buah berhala** dan **tujuh buah mahligai**, ternyata jawapannya ada dalam Rajah 3. Dalam Kapal Petolo Kapal Petolai, kewujudan **tujuh buah berhala** dan **tujuh buah mahligai** adalah untuk **tujuh orang puteri** yang telah menjadi tawanan Raja Berdurai Putih. Dalam hal ini, sekali lagi, dengan menggunakan rangka rujuk silang, frasa **tujuh buah berhala** dan **tujuh buah mahligai** sememangnya dapat dikaitkan dengan frasa **tujuh orang puteri** walaupun berada selepas kewujudan data 1. Dalam rangka rujuk silang, frasa **tujuh orang puteri** ini adalah keterangan. Kehadiran keterangan ini adalah untuk memperkayakan lagi maklumat yang telah sedia ada dalam ensiklopedik dan memudahkan penginterpretasian makna oleh pembaca / pendengar. Ternyata, kehadiran keterangan, yakni frasa **tujuh orang puteri** akan memberi sifat khusus leksikal tujuh tersebut semasa proses penginterpretasian. Pemilihan leksikal tujuh juga menyimpul makna yang tersirat. Tanpa sedar, pengaruh agama Islam mendasari pemikiran orang Melayu. Angka tujuh itu dapat dihubungkan dengan surah al-Fatihah yang terdiri dari tujuh ayat, tujuh petala langit, tujuh petala bumi, bilangan tujuh untuk perlakuan tawaf, sa'i dan melontar (antara rukun-rukun ibadat haji), dan petunjuk kepada beredarnya waktu dalam kepanjangan tertentu, yakni seminggu (Asmah, 1993).

Melalui penggunaan rangka rujuk silang, rujukan untuk '-nya' bukan hanya digunakan untuk manusia, malah turut digunakan untuk benda/objek. Penggunaan rangka rujuk silang juga menjadikan data 1 bersifat manifestasi, yakni jelas dan nyata. Dengan sifat manifestasi ini, maka pembaca/pendengar dapat memproses maksud yang ingin disampaikan oleh penutur dengan mudah. Bukan itu sahaja, malah kesan kognitif kepada pembaca/pendengar akan dihasilkan dengan mudah. Lantaran itu, walaupun bahasa berirama dalam data 1 agak implisit sifatnya jika dikaitkan dengan konsep ruang, namun pengaplikasian rangka rujuk silang mampu membuktikan '-nya' dapat dirujuk oleh pemikiran pembaca/pendengar. Justeru, data 1 di atas boleh dianggap relevan untuk menggambarkan konsep ruang yang luas dan besar bagi Kapal Petolo Kapal Petolai.

Tidak memadai dengan itu, pada tahap kedua analisis ini, inferens konsep ruang kapal yang besar, luas dan panjang itu terlebih dahulu dibekalkan melalui Rajah 3. Sebagai proses untuk pengukuhan maklumat, rangka rujuk silang membenarkan sesuatu perkara itu dicari

rujukannya yang berada dalam konteks ujaran (Nor Hashimah & Ahmad Harith Syah, 2009). Dalam hal ini, data 1 dapat dikukuhkan maklumatnya dengan rujukan silang Rajah 3 yang menggambarkan Raja Bedurai Putih sebagai manusia luar biasa yang mempunyai saiz fizikal yang sangat gagah dan besar. Melalui rangka rujuk silang, ‘-nya’ dalam Rajah 3 di bawah dapat dicari rujukannya. Situasi ‘-nya’ yang berada di belakang benda yang dirujuk dikenali sebagai anafora. Analisis ‘-nya’ dapat dipautkan dengan leksikal Raja Berdurai Putih kerana berdasarkan konteks, catatan dalam ensiklopedik manusia telah mengetahui bahawa dada, lengan dan gigi merupakan antara bahagian badan manusia. Justeru, penutur menggunakan maklumat ilmu anatomi manusia dengan perincian luasnya dada, besarnya lengan dan luar biasanya gigi geraham untuk menggambarkan keistimewaan sifat Raja Berdurai Putih yang besar dan gagah perkasa.

Dalam Rajah 3 di bawah juga, pemilihan leksikal yang merujuk kepada ukuran seperti **hasta**, **cap**, **serumpun**, **segantang** dan **cupak** telah menjadikan ujaran tersebut bersifat manifestasi (jelas dan nyata) kerana leksikal tersebut terdapat dalam maklumat kognitif pendengar. Sistem pengukuran yang wujud dalam masyarakat Melayu berdasarkan kepada penggunaan alam sebagai asas pengukuran (Mohd Koharuddin Mohd Balwi, 2003). Pemilihan leksikal ukuran itu juga dilakukan lantaran kegunaannya dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Pada waktu yang sama, leksikal ukuran di atas juga dapat menganalogikan fizikal Raja Bedurai Putih yang besar dan keadaan ini membantu pendengar menggambarkan saiz fizikal itu dalam minda mereka. Satu perkara yang tidak disedari oleh kita, pemilihan dan penggunaan ukuran hasta, cap, rumpun, gantang, cupak menggambarkan falsafahnya iaitu orang Melayu sangat mementingkan saiz dan isipadu. Hal ini turut diakui oleh Asmah (1993) yang menegaskan bahawa dalam kebudayaan Melayu tradisional, sebenarnya orang Melayu tidak mementingkan ukuran berat atau ringan tetapi lebih mementingkan saiz dan isipadu.

Data 3:

Adapun sifat Raja Berdurai Putih itu terlalulah amat besar:

Tujuh hasta bidang dadanya,

Tujuh cap pokok lengannya,

Gerahamnya empat serumpun,

Segantang makan daging,

Dua cupak lekat di giginya [2.267]

Rajah 3: Rangka rujuk silang data 3

SAIZ DADA DAN LENGAN

Raja Bedurai Putih digambarkan manusia yang bertubuh besar sehingga dadanya selebar tujuh hasta atau ‘*fathom*’ (Mohd Salmi et al., 2010). Sehasta merujuk kepada jarak antara hujung jari telunjuk hingga ke hujung siku. Ukuran yang melibatkan tangan iaitu hasta pula lebih kecil berbanding ukuran pemeluk (Esa & Mohd. Azhar, 2004). Ukuran lebih tepat lagi ialah satu hasta merujuk kepada dua tapak tangan, satu tapak pula merujuk kepada 15 jari (Baharrudin & Mat Rofa, 2012). Cap merujuk kepada ukuran kira-kira secekak (Mohd Taib, 2007). Tujuh cap pokok lengannya memberi gambaran besar lengan Raja Bedurai Putih

ialah tujuh cekak. Hasta dan cekak ini merupakan unit ukuran orang Melayu yang berasaskan tubuh manusia (Mohd Salmi et al., 2010). Hal ini menjelaskan bahawa masyarakat Melayu tradisional menggunakan ukuran yang berasaskan matra jasad manusia sebelum menggunakan sistem metrik yang ada pada hari ini.

BENTUK DAN SAIZ GIGI GERAHAM

Gigi geraham Raja Bedurai Putih pula amat luar biasa saiz dan bentuknya kerana kebiasaan manusia hanya mempunyai gigi geraham yang tumbuh sebatang untuk satu unit bukan tumbuhnya empat batang untuk satu unit. Keluarbiasaan itu turut melibatkan perihai nisbah 1 : 4 yang diutarakan untuk geraham manusia biasa berbanding geraham Raja Bedurai Putih.

“Segantang makan daging, dua cupak lekat di giginya” memberi makna harfiah, Raja Bedurai Putih mempunyai kemampuan yang luar biasa. Aspek kemampuan ini dapat diperincikan lagi kepada dua bahagian iaitu kemampuan makan dalam kuantiti yang banyak iaitu segantang (gantang merupakan alat sukatan orang Melayu dahulu untuk benda yang berbiji seperti padi). Manusia biasa hanya makan dalam kuantiti sepinggan dua sahaja.

Kemampuan kedua merujuk kepada kemampuan untuk mendapatkan sumber protein yang tinggi nilainya iaitu daging. Berdasarkan pengamatannya dengan kehidupan orang Melayu dahulu, bukan semua orang mampu membeli dan makan daging kerana harganya yang tinggi. Daging lazimnya hanya dijadikan hidangan kenduri perkahwinan. Darah raja yang mengalir dalam diri Raja Berdurai Putih menjadikan dia seorang yang kaya, berharta dan berkemampuan membeli daging. Dengan mengimbas kembali maklumat kognitif pendengar / pembaca, sumber protein yang utama dalam masyarakat Melayu dahulu bukannya daging tetapi ikan dan ayam. Secara tidak langsung, pemilihan leksikal daging ini mengukuhkan pembuktian Raja Berdurai Putih berasal dari keturunan Eropah kerana orang Eropah menggunakan daging sebagai sumber proteinnya dan bukan ikan.

Di sebalik kelakuan dan sifat fizikal Raja Berdurai Putih tersebut, Hamka mentafsirkan keganasan dan kerakusan Raja Berdurai Putih tersebut (dianggap orang Belanda) dengan ungkapan **“segantang memakan daging, dua cupak lekat di gigi”**. Bukan kerakusan sahaja yang ditafsir oleh Hamka, malah beliau turut mengaitkan ungkapan tersebut dengan sifat tamak haloba orang Belanda. Ungkapan **“dua cupak lekat di gigi”** memberi pengukuhan sifat tamak Raja Berdurai Putih. Hal ini menjelaskan, bukan semua harta yang diperoleh diserahkan pada raja atau pemerintah, sebaliknya sebahagian besarnya disimpan oleh mereka sendiri (Mohd Yusof, 1985).

Berdasarkan paparan analisis di atas, dapatlah disimpulkan bahawa Rajah 3 telah menjadi anteseden kepada data 1. Dalam rangka rujuk silang, antara makna lain anteseden ialah sesuatu keadaan yang wujud sebelum sesuatu yang lain. Hal ini bermakna, data gambaran fizikal Raja Berdurai Putih yang besar dan gagah merupakan anteseden kepada ruang Kapal Petolo Kapal Petolai yang juga pastinya besar. Melalui konteks yang dibekalkan kepada pendengar betapa saiz dan badan Raja Berdurai Putih sangat luar biasa besarnya, maka kapal yang dinaiki oleh Raja Bedurai Putih yang dinamakan Kapal Petolo Kapal Petolai juga mestilah bersaiz besar. Hal ini berhubung kait dengan teknologi perkapalan di Asia Tenggara, terdapat bukti wujudnya kapal yang boleh membawa muatan tiga hingga lima ribu orang atau muatan 250 hingga 1000 tan yang dikenali sebagai kapal *Bo Orang Kun Lun* (Esa & Mohd Azhar, 2004).

RUANG FIZIKAL DAN PEMIKIRAN MELAYU

Analisis pada tahap ketiga iaitu tahap inkuisitif mendapati bahawa konsep ruang secara fizikal dapat difahami oleh pendengar atau pembaca melalui pemilihan leksikal **kerbau**

dalam cerita tersebut. Di sini kita akan mampu menjawab bagaimana leksikal kerbau dapat dicungkil dari segi inkuisitifnya iaitu gabungan di antara data, teori, kognitif dan falsafahnya.

Penglipur lara memilih leksikal **kerbau** lantaran saiz fizikal fauna itu yang besar dapat memberi gambaran kuantiti banyaknya orang yang dapat menikmati daging tersebut. Kenduri yang melibatkan penyembelihan kerbau melibatkan kenduri yang besar, gah dan banyak orang. Dalam masyarakat Melayu dahulu, daging kerbau sukar didapati dan tidak dipasarkan secara komersial. Hal ini menyebabkan harga daging kerbau mahal (seekor kerbau berharga lebih daripada 10 tahlil perak) (Kong Yuanzhi, 2010).

Dalam ilmu veterina, kehidupan kerbau biasanya hidup dalam kelompok kawanan antara 10-20 ekor (Zakaria, 1990). Berbanding kehidupan fauna yang lain seperti lembu atau kambing, kerbau lebih bersatu dan saling membantu. Kehidupannya yang berkelompok dan saling melindungi antara ahli kawanan tersebut menjadi satu panduan yang baik untuk diteladani oleh manusia. Hasil daripada pencerapan orang Melayu dengan keadaan persekitaran dan pengalaman hidupnya, maka pemilihan leksikal **kerbau** dilakukan dan secara tidak langsung dapat pula menggambarkan luas dan besarnya ruang fizikal sesuatu objek atau tempat yang dinyatakan dalam teks.

Secara jelasnya, walaupun sekali imbas konsep ruang fizikal yang ingin disampaikan tidak dinyatakan secara langsung, tetapi masih dapat dikesan oleh pendengar. Pendengar dapat membina konteks dengan merujuk kepada maklumat kognitif, melakukan rujuk silang kepada konteks terdahulu dan menggabungkan dengan maklumat dari alam sekeliling. Dengan erti kata yang lain, pemilihan leksikal kerbau, layang, rantai, berhala dan mahligai berjaya meminimumkan usaha memproses maklumat kerana terdapat dalam persekitaran kognitif pendengar. Leksikal terbabit mudah difahami kerana melibatkan hal atau urusan kehidupan yang telah menjadi kebiasaan dan dianggap tidak memerlukan maklumat terperinci. Keadaan ini diperkukuh lagi dengan wujudnya kesan kognitif yang maksimum lantaran didedahkan dengan maklumat dari konteks Rajah 3. Dengan erti kata yang lain, Rajah 3 merupakan rujukan silang dan maklumat kognitif bagi data 1 bagi membuktikan perihal besarnya Raja Berdurai Putih dan kapalnya, maka kerbau diperlukan untuk kenduri.

Tuntasnya, pendekatan inkuisitif dalam analisis di atas mampu menjawab setiap persoalan mengapa yang timbul. Pengaplikasian pendekatan inkuisitif ini juga membantu pendengar membuat inferens tentang ruang walaupun konsep ruang dalam data 1 tidak wujud secara terang dan nyata. Umumnya, orang Melayu memilih leksikal yang paling indah, tepat dan sesuai dengan maksud yang ingin disampaikan kepada pembaca atau pendengar. Secara tidak langsung, pemilihan yang dilakukan oleh orang Melayu menggambarkan ketajaman kognisi mereka untuk membuat pemadanan yang relevan merangkumi makna yang ingin disampaikan (Zaitul Azma & Ahmad Fuad, 2011). Analisis yang menggunakan pendekatan inkuisitif ini menyerlahkan sifat orang Melayu yang bijak memilih kata sekaligus menyulam perlambangan dan dapat pula merungkai falsafah serta akal budinya. Sementelah, ketersiratan makna dalam pemilihan leksikal kerbau melambangkan peradaban masyarakat Melayu dalam disiplin ilmu yang pelbagai seperti veterina, maritim, anatomi dan fisiologi manusia.

KESIMPULAN

Sesungguhnya, banyak lagi kearifan tentang sesuatu aspek yang boleh dicungkil dalam sesuatu kelompok masyarakat dengan menganalisis data teks tradisionalnya. Bukan itu sahaja, malah karya-karya tradisional ini dapat menyumbangkan pelbagai fakta yang boleh diteliti dari sudut sejarah, kesenian, kebudayaan, falsafah, sains politik, psikologi, agama, bahasa, sastera dan lain-lain (Siti Hawa, 1999). Walaupun penutur atau penglipur lara tidak berada pada zaman teori Relevans dan perkembangan ilmunya melalui pendekatan inkuisitif,

namun mereka berjaya mengambil kira maklumat yang sedia ada dalam catatan ensiklopedik pendengar atau pembaca, memastikan rujuk silang konteks berlaku dalam cerita tersebut untuk mencapai maksud sebenar yang dihayati. Analisis berpada yang menggunakan pendekatan inkuisitif menyerlahkan kebijaksanaan dan keperibadian penglipur lara Melayu. Tidak terhenti pada kebijaksanaan dan keperibadian sahaja, malah pemikiran dan akal budi Melayu turut dapat dicungkil. Selain itu, orang Melayu mengambil sepenuhnya kelebihan alam fauna yang dilihat dan berada di sekeliling mereka untuk memberi pelajaran dan pengajaran berguna (Saidatul & Mohd Rasdi, 2013) bukan sahaja kepada generasi dahulu, malah juga untuk generasi pewaris. Semakin banyak kita meneroka pemikiran sesuatu masyarakat, semakin banyaklah ilmu dan falsafah yang dapat kita ketahui dan boleh dijadikan panduan serta rujukan generasi akan datang.

DRAFT